

Ibu kongsi kegembiraan tonton aksi Jun Hoong, Pandelela beraksi di TV

Suhaidah Othman
am@hmetro.com.my

Ipoh

“J antung kami berdebar manakala bulu rompa meremang ketika mereka (Cheong Jun Hoong dan Pandelela Rinong) memulakan aksi terjunan,” kata Leow Lai Kwan, 50, ibu kepada Cheong Jun Hoong yang berjaya memenangi pingat perak acara 10 meter platform seirama wanita bersama Pandelela Rinong di Pusat Aquatik Maria Lenk Rio di Rio de Janeiro, Brazil, semalam.

Menurutnya, dia bersama suami, Cheong Sun Meng, 54, serta anak bongsunya,

“Hingga kini, kami masih belum dapat melelapkan mata kerana terlalu gembira dengan pencapaian itu”

Leow Lai Kwan.

Cheong Jun Yeng, 23, sudah menunggu di depan televisyen seawal jam 2.45 pagi lagi untuk melihat anaknya beraksi bersama ratu terjun negara.

Katanya, walaupun tidak meletakkan harapan tinggi memenangi pingat, namun dia tetap gelisah setiap kali anak sulungnya bersama Pandelela melakukan terjunan kerana tetap mengharapkan keajaiban dapat dilakukan anaknya itu.

Menurutnya, Jun Hoong ada memaklumkan kepada sebelum berangkat ke Rio de Janeiro yang dia tidak meletakkan harapan tinggi untuk memenangi sebarang

Topik hangat di media sosial

Kuala Lumpur: Kejayaan gandingan penerjun, Pandelela Rinong dan Cheong Jun Hoong meraih pingat perak yang juga pingat pertama negara di Sukan Olimpik Rio, menjadi topik hangat di media sosial. Ramai memperkatakan kemenangan itu dan masing-masing menyampaikan ucapan tahniah kepada gandingan negara yang menang pingat perak acara 10m platform seirama wanita di Pusat Aquatik Maria Lenk, Rio de Janeiro awal pagi, semalam.

HARIAN METRO

Belum dapat lelap mata

pingat, sebaliknya hanya muhup memamerkan aksi terbaik.

“Sebaik diumumkan nama dan negara pemenang pingat perak, kami sekeluarga menjerit kegembiraan dan hingga kini, kami masih belum dapat melelapkan mata kerana terlalu gembira dengan pencapaian itu.

“Jangan katakan nak tidur, hendak makan tengah hari pun tak lalu sebab terasa kenyang dengan kemenangannya itu,” katanya ketika dijumpai di kediamannya di sini, semalam.

Menurutnya, dia ada menghubungi Jun Hoong di Rio de Janeiro kira-kira jam 10 pagi semalam bagi melahirkan gembira mereka sekeluarga, namun tidak dapat berbual panjang kerana anaknya mahu berehat memandangkan waktu malam di negara itu.

Katanya, ketiga-tiga anak perempuannya iaitu Jun Hoong, Chung Junie, 25, dan Jun Yeng menyertai acara su-



PANDELELA (kanan) dan Jun Hoong meraikan kejayaan meraih pingat perak acara terjun 10 meter platform seirama.

kan renang sejak kecil lagi, namun anak sulungnya itu dilihat paling menyerlah sehingga meneruskan pembabitan di peringkat antara-bangsa.

“Jun Hoong mula menyerai pelbagai pertandingan

(renang dan terjunan). sejak berusia sembilan tahun lagi di bawah kendalian jurulatih pasukan renang Perak, Zhou Xi Yang dan dia sentiasa komited turun berlatih walaupun tidak sihat,” katanya.

Keluarga pemenang pingat

perak itu turut dikunjungi Pengurus Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia dan Sukan Perak Datuk Shahru Zaman Yahya, semalam yang mewakili kerajaan negeri untuk berkongsi kegembiran seluruh rakyat negeri itu.